

Ketokohan Ulama Hadis Dalam Bidang Tafsir

A Irwan Santeri Doll Kawaid (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 013-6069775 E-Mail: a.irwan@usim.edu.my

Abstrak

Quran dan hadis Nabi SAW merupakan dua sumber rujukan utama Islam yang perlu difahami dengan baik oleh umat Islam. Disebabkan kepentingannya, penguasaan terhadap kedua-duanya telah menjadi tumpuan utama oleh ulama Islam dari zaman awal Islam. Namun, disebabkan kepelbagaian kecenderungan, kekangan dan perkara lain, walaupun ada di kalangan para ulama yang dapat menguasai kedua-duanya, tetapi tidak semua mereka menonjol dalam kedua-duanya. Malah sesetengah mereka hanya menonjol dan menghasilkan karya-karya yang menjadi rujukan hingga ke hari ini dalam satu atau beberapa bidang ilmu sahaja. Justeru, ada di kalangan mereka yang menonjol dalam bidang tafsir dan fekah, atau dalam bidang tafsir, bahasa dan beberapa bidang lain. Ada juga di antara mereka yang menonjol dalam lebih daripada itu. Termasuklah di kalangan mereka adalah ulama hadis. Terdapat beberapa ulama hadis yang dikesan menguasai dan menonjol dalam beberapa ilmu. Di antaranya ilmu tasfir. Malah mereka terkenal dalam bidang tersebut. Selain mempunyai karya agong dalam bidang hadis, mereka juga menghasilkan karya yang tidak kurang pentingnya dalam bidang tersebut. Disebabkan latar belakang mereka dalam bidang hadis, metodologi mereka dalam menafsirkan Quran mempunyai perbezaan daripada ulama tafsir lain yang bukan dari bidang hadis terutamanya dari sudut penekanan terhadap aspek riwayat. Kajian ini bertujuan membincangkan sumbangan mereka dalam bidang tafsir serta menganalisis metodologi yang mereka terapkan dalam menafsirkan Quran.

Kata kunci: tafsir, ulama hadis, ulama tafsir, Ibn Abi Hatim, Ibn Kathir, Ibn Rajab al-Hanbali, al-Syuyuti, al-Syawkani, al-Qannawji.

1. Pendahuluan

Ulama hadis atau muhaddithin adalah orang yang berkecimpung dalam bidang hadis sama ada dari sudut riwayat atau dirayah. Mereka turut mengetahui banyak perkara berkaitan riwayat dan perawi.⁹⁸² Mereka merupakan orang yang benar-benar pakar dalam bidang hadis dalam pelbagai cabangnya; matan, sanad, 'illah dan rijal. Selain menguasai bidang hadis dan menghasilkan karya dalam mereka, sesetengah mereka turut didapati mempunyai kepakaran

⁹⁸² Mahmud Tahhan. 1996. Taisir Mustalah al-Hadith, al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif. Hlm 19.

dalam bidang lain seperti bidang tafsir dan fiqh. Hal ini dapat diketahui daripada biografi mereka serta hasil karya mereka.

Penghasilan karya dalam bidang lain selain bidang yang ditekuni membuktikan semangat mereka yang tinggi dan penguasaan mereka yang mendalam bidang-bidang tersebut. Hal ini kerana, untuk menguasai satu bidang ilmu pun bukanlah suatu perkara yang mudah, apatah lagi untuk menguasai bidang lain dan menghasilkan karya dalam bidang tersebut.

Terdapat banyak ramai ulama hadis yang dikesan menghasilkan karya dalam tafsir di sepanjang zaman. Kertas kerja ini cuba menelusuri beberapa karya tafsir yang dihasilkan oleh mereka serta turut cuba memperkenalkan latar belakang ringkas tentang pengarang dan karya tafsir mereka. Selain itu, ia juga akan membincangkan metodologi yang diterapkan oleh mereka dalam menafsirkan Quran.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan metode kajian perpustakaan, iaitu dengan melakukan pengumpulan data daripada pelbagai sumber primer dan sekunder. Bahan-bahan tersebut akan dianalisa dan diteliti dengan menggunakan metode analisis. Kemudian dapatan kajian dihuraikan dengan menggunakan metode deskriptif bagi menjelaskan hasil yang diperolehi.

3. Tokoh Ulama Hadis Dalam Bidang Tafsir

Terdapat ramai ulama hadis yang dicatatkan mempunyai kemahiran dalam bidang tafsir atau diiktiraf sebagai ulama tafsir sepertimana yang disebutkan dalam beberapa kitab biografi ulama Islam dan begitu juga sebaliknya. Nama-nama mereka dapat diketahui melalui catatan-catatan biografi ulama Islam atau biografi perawi hadis, iaitu seperti dalam kitab Siyar 'Alam al-Nubala, Tabaqat al-Mufassirin, Tarikh al-Turath al-'Arabi dan lain-lain. Namun, meskipun nama mereka disebut dalam kitab-kitab tersebut, kebanyakan karya mereka tidak dapat dikesan disebabkan kemungkinan kepakaran mereka hanya diketahui melalui majlis-majlis ilmu yang mereka sampaikan secara oral atau karya mereka yang masih dalam bentuk manuskrip. Meskipun begitu, terdapat beberapa ulama hadis yang karya mereka dalam bidang tafsir wujud, terkenal dan masih lagi menjadi rujukan hingga ke hari ini. Antara mereka adalah Ibn Abi Hatim, Ibn Kathir, Ibn Rajab al-Hanbali, al-Syuyuti, al-Syawkani dan al-Qannawji.

3.1. Ibn Abi Hatim (w 327 H)

Nama penuh beliau adalah 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Idris bin al-Munzir bin Daud bin Mihran al-Hanzali al-Razi.⁹⁸³ Beliau lebih dikenali sebagai Ibn Abi Hatim. Beliau

⁹⁸³ Abu al-Falah, Abd al-Hayy bin Ahmad al-Hambali. 1998. *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab. Tahqiq: Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata', c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jld. 1. Hlm. 31.*

dilahirkan pada 241 H di Ray (satu daerah di Iran hari ini) dan meninggal pada tahun 327 H di kota yang sama pada usianya yang ke-87 tahun.⁹⁸⁴

Beliau memulakan perguruan beliau dengan bapa beliau sendiri yang merupakan tokoh hadis yang tidak asing lagi iaitu Abu Hatim. Setelah itu, beliau banyak berkelana untuk menuntut ilmu. Antara tempat yang beliau kunjungi untuk menuntut ilmu adalah Hijaz, Syam, Mesir dan Iraq.⁹⁸⁵ Antara guru beliau selain bapa beliau adalah teman bapa beliau iaitu Abu Zur'ah, Ibn Warah, al-Hasan bin 'Arafah, Ahmad bin Sinan, Abu Sa'id al-Asyaji dan lain-lain.⁹⁸⁶

Beliau menghasilkan banyak karya dalam pelbagai bidang ilmu. Antara karya beliau adalah:

- Taqdimatul Jarh wat Ta'dil;
- Al-Radd 'ala al-Jahmiyah;
- Tafsir;
- Kitab al-Zuhd;
- Kitab al-Kuna;
- Kitab al-Fawaid al-Kabir;
- Fawaid al-Raziyyin;
- Manaqib al-Syafie;
- Manaqib Ahmad;
- al-'Ilal dan lain-lain.⁹⁸⁷

Pujian Ulama Terhadap Beliau:

Beliau sangat mahir dalam ilmu hadis dalam pelbagai aspek. Lantaran itu ramai ulama menyifatkan beliau sebagai imam dan hafiz.⁹⁸⁸ Antara ulama yang memuji beliau adalah: Abu Yala Al-Khalili. Beliau berkata: "Ilmu beliau dalam ilmu rijal dan pelbagai ilmu lain bagaikan lautan."⁹⁸⁹ Yahya bin Mindah pula berkata: "Beliau menulis kitab al-Musnad sebanyak seribu juzuk."⁹⁹⁰

Adapun tentang kitab *magnum opus* beliau, iaitu kitab al-Jarh wa al-Ta'dil yang merupakan kitab berkaitan rijal, ramai ulama merujuk kepadanya dan menganggapnya sebagai sangat penting. Antara ulama yang memuji kitab ini adalah Imam Ibn al-Salah dan al-Iraqi.

⁹⁸⁴ Ibid.

⁹⁸⁵ Al-Subki, Taj al-Din. 1992. *Tabaqat al-Shafi'iyya al-Kubra*. 10 vols. Tahqiq: Mahmud M. al-Tannahi & `Abd al-Fattah M. al-Hilw. 2nd. ed. Jiza: Dar Hijr. Jld. 3. Hlm. 324.

⁹⁸⁶ Ibid.

⁹⁸⁷ Salah al-Din, Khalil bin Aybak al-Shafadi. 2000. *Al-Wafi wa al-Wafayat*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath. Jld. 18. Hlm. 136, Al-Daudi, Syamsuddin Mohammad bin Ali bin Ahmad. T.t. *Tabaqat al-Mufassirin*, Tahqiq: Ali Mohammad Omar. Kaherah: Maktabah Wahbah Cet. 2. Jld. 1. Hlm. 286. al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad. 1993. *Tarikh al-Islam wa Wafayat al-Mashahir wa al-'Alam*. Darul Kitab al-Arabi. Jld. 24. Hlm. 207.

⁹⁸⁸ Ibn Nuqtah, Muhammad bin Abd al-Gani al-Hanbali al-Bagdadi. 1988. *al-Taqyid Li Ma'rifah Ruwah al-Sunan wa al-Masanid*. Bairut: Dar Al-Kutub al-Ilmiyyah. Hlm. 331. al-Dhahabi. Ibid. Al-Daudi. Ibid. Al-Subki. Ibid.

⁹⁸⁹ al-Dhahabi. Ibid. Al-Daudi. Ibid.

⁹⁹⁰ al-Dhahabi. Ibid.

Mereka berpendapat bahawa kitab terbaik dalam ilmu rijal adalah kitab al-Tarikh al-Kabir oleh al-Bukhari dan kitab al-Jarh wa al-Ta'dil oleh Ibn Abi Hatim.⁹⁹¹ Imam Ibn Kathir pula berkata: "Kitab yang paling bermanfaat dalam ilmu Jarh wa al-Ta'dil adalah kitab Ibn Abi Hatim."⁹⁹² Menurut Al-Mizzi, kebanyakan kitab yang ditulis dalam bidang ilmu Jarh wa al-Ta'dil selepas kitab Jarh wa al-Ta'dil oleh Ibn Abi Hatim merujuk kepadanya.⁹⁹³ 'Abd al-Rahman al-Mu'allimi pula berpandangan bahawa kitab beliau adalah ibu segala kitab dalam bidang ilmu Jarh wa al-Ta'dil. Daripadanyalah semua kitab mendapatkan maklumat.⁹⁹⁴

Kitab Tafsir al-Quran al-'Azim dan Metodologinya

Kitab ini termasuk dalam kategori tafsir *bi al-ma'tsur* kerana banyak menafsirkan al-Qur'an dengan hadis. Dalam menafsirkan sesuatu ayat, beliau mengumpulkan pelbagai riwayat Nabi SAW, kata-kata sahabat dan tabi'in dengan sanad-sanad yang sahih untuk menjelaskannya. Banyak riwayat berkaitan tafsir dalam kitab ini yang tidak diketahui sanadnya kecuali daripada jalur beliau sendiri. Antara metode beliau yang menonjol adalah beliau berusaha menafsirkan ayat al-Quran dengan menggunakan sanad hadis yang sahih.⁹⁹⁵

Ketika menafsirkan ayat dengan mengutip hadis dari Rasullulah SAW, beliau sama sekali tidak pernah menyebutkan hadis dari sahabat, kecuali yang telah disepakati ulama tentang kesahihan sanadnya. Namun, ketika menggunakan beberapa riwayat daripada sahabat ataupun tabi'in, beliau tetap mengungkapkan setiap perbezaan sanadnya.⁹⁹⁶

3.2. Ibn Kathir (w 774 H)

Nama penuh beliau adalah Ismail bin 'Umar bin Kathir al-Quraisy al-Dimsyqi, Abu al-Fida'. Beliau dilahirkan di Basra Syria pada tahun 700 H/1300 M. Pada umur beliau tiga tahun bapa beliau meninggal dunia.⁹⁹⁷ Selepas kewafatan bapa beliau, beliau berpindah ke Damascus bersama abang beliau untuk menuntut ilmu. Di sana, beliau berguru dengan Ibnu Taimiyah, Ibn Asakir (w. 723), Ishaq bin Yahya al-Amidi (w. 728), al-Mizzi (w. 742), al-Zahabi dan lain-

⁹⁹¹ Ibn al-Salah, Utman bin 'Abd al-Rahman. 1986. Al-Muqaddimah. Tahqiq Nuruddin `Itr. Dimasyq: Dar al-Fikr. Hlm. 433. al-'Iraqi, 'Abd al-Rahim bin al-Husayn. 1389. al-Taqyid Wa al-Idah Syarah Muqaddimah Ibn al-Salah: Tahqiq: Abd al-Rahman 'Uthman. Madinah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah –al-Munawwarah. Hlm. 254.

⁹⁹² Ibn Kathir, Isma'il bin 'Umar al-Dimasyqi. 1421. al-Ba'ith al-Hathith Syarah Ikhtisar 'Ulum al-Hadith: Tahqiq: Badi' al-Sayyid al-Lahham. Riyadh: Dar al-Salam. Hlmn. 465.

⁹⁹³ al-Mizzi, Yusuf bin 'Abd al-Rahman. 1402. Tahzib al-Kamal fi al-Asma' al-Rijal. Tahqiq: Basysyar 'Awad Ma'ruf. Beirut: Muassasah al-Risalah. Jld. 1. Hlm. 152.

⁹⁹⁴ al-Zahrani, Muhammad ibn Matr. 2010. Ilm al-Rijal Nasy'atuhu wa Tatawwaruhu min al-Qarn al-Awwal ila Nihayah al-Qarn al-Tasici. al-Riyad: Maktabah Dar al-Minhaj. Hlmn. 154.

⁹⁹⁵ Zulfikar, E. (2021). Metodologi Tafsir Tabi'Tabi'in: Telaah Atas Kitab Tafsir Al-Qur'an Al-Azim Karya Ibnu Abi Hatim Al-Razi. Al-Fath, 15(1), 1-18.

⁹⁹⁶ Ibid.

⁹⁹⁷ Al-Husayni, Abu al-Muhasin (t.t.), Dhayl Tadhkirah al-Huffaz. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. Hlm. 38. 'Adil Nuwaihah. 1983. Mu'jam al-Mufasssirin Min Shadri al-Islam Hatta al-'Asri al-Hadir. Muassasah Nuwaihah al-Thaqafaiah. Jld. 1. Hlm. 93.

lain.⁹⁹⁸ Selepas kewafatan guru beliau, al-Zahabi, beliau dilantik untuk menggantikan jawatan beliau sebagai ketua di madrasah Turba Umm Salih dan al-Tankiziyah.⁹⁹⁹

Imam Ibn Katir terkenal sebagai ulama hadis, tafsir, sejarah dan fekah. Antara karya beliau adalah:

Dalam bidang hadis:

- a. Kitab Jami'al-Masanid wa al-Sunan;
- b. Al-Kutub al-Sittah;
- c. Al-Takmilah fi Ma'rifat al-Siqat wa ad Du'afa wa al-Mujahal;
- d. Al-Mukhtasar;
- e. Adillah al-Tanbih li Ulum al-Hadis/al-Ba'ith al Hathith;

Dalam bidang sejarah:

- a. Qasas al-Anbiya(kisah-Kisah para Nabi)
- b. Al-Bidayah wa Nihayah;
- c. Al-Fusul fi Sirah al-Rasul;
- d. Tabaqat al-Syafi'iyah;
- e. Manaqib Al-Imam al-Syafi'.¹⁰⁰⁰

Kitab Tafsir al-Quran al-Azim dan Metodologinya

Kitab ini merupakan satu-satunya karya beliau dalam bidang tafsir.¹⁰⁰¹ Beliau menyusun tafsir ini berdasarkan susunan ayat dan surah dalam mushaf Quran. Metodologi tafsir yang beliau terapkan adalah *tafsir bi al-Ma'thur atau tafsir bi al-riwayah*. Hal ini disebabkan tafsir ini banyak menggunakan hadis, pendapat sahabat dan tabi'in. Meskipun begitu adakalanya beliau menggunakan tafsir bi al-ray', iaitu memberi pandangan tafsir beliau sendiri. Justeru, metode yang digunakan bukanlah semata-mata tafsir bi al-riwayah, bahkan juga *tahlili*.

Langkah-langkah tafsir dalam kitab ini adalah:

⁹⁹⁸ Al-Husayni, op cit.

⁹⁹⁹ Ibid.

¹⁰⁰⁰ Al-Husayni. Op cit.

¹⁰⁰¹ Nasution, A. H., & Mansur, M. (2018). Studi Kitab Tafsir Al-Qur'an Al-Azim Karya Ibnu Kasir. Jurnal Ushuluddin Adab Dan Dakwah, 1(1), 1-14.

1. Petama beliau menyebutkan ayat yang ditafsirkan, kemudian menafsirkannya dengan bahasa yang mudah dan ringkas. Selepas itu beliau menafsirkan ayat-ayat dengan ayat yang lain atau membandingkannya sehingga maksudnya jelas. 2. Mengemukakan hadis-hadis atau riwayat yang marfu', sama ada sanadnya bersambung ataupun tidak. 3. Menjelaskan pendapat para ulama tafsir atau ulama sebelum beliau. 4. Memilih pendapat yang paling kuat di antara pendapat para ulama atau beliau mengemukakan pendapat beliau sendiri. Sebagai ahli hadis, beliau banyak menjelaskan status hadis yang beliau nyatakan. Terkadang beliau menilai atau menyebutkan sanadnya sebagai *da'if*, *da'if jiddan* atau seumpamanya.¹⁰⁰²

3.3. Ibn Rajab al-Hanbali (w 795 H)

Nama penuh beliau adalah Abd al-Rahman bin Ahmad bin Rajab bin al-Hasan bin Muhammad bin Mas'ud al-Sulami al-Baghdadi al-Dimasyqi al-Hanbali. 1003 Kunyah beliau adalah Abu al-Faraj.¹⁰⁰⁴ Beliau lebih dikenali sebagai Ibn Rajab al-Hanbali kerana dinisbahkan kepada datuknya dan kerana beliau bermazhab Hanbali. Beliau juga digelar 'Zaynuddin'. Beliau dilahirkan di Baghdad pada tahun 736H/1335M. 1005 Bapa dan datuknya terkenal sebagai ulama.¹⁰⁰⁶

Beliau menuntut ilmu dari pelbagai tempat. Antaranya di Damacus sendiri, Mekah dan Mesir. Antara guru-guru beliau adalah Ibn al-Naqib (w. 745 H), al-Subki al-Nawawi (w. 749 H), Muhammad bin Ismail al-Khabbaz (d. 756) Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (w. 751 H) dan lain-lain.¹⁰⁰⁷

Beliau sangat pakar dalam bidang hadis. Terutamanya bidang rijal, 'ilal, sanad dan syarah.¹⁰⁰⁸ Kepakaran beliau dapat dilihat dalam beberapa karya beliau. Antaranya adalah:

- Syarah Jami' al-Tirmizi;
- Syarah Arba'in al-Nawawiyyah;
- Syarah Sahih al-Bukhari (tidak sempat disiapkan);
- Syarah 'Ilah al-Tirmizi;
- Jami' al-'Ulum Wa al-Hikam;
- Al-Qawaid al-Fiqhiyyah;
- Zail Tabaqat al-Hanabilah;
- Tafsir Surah Al-Ikhlās;
- Tafsir Surah Al-Falaq;

¹⁰⁰² Ibid.

¹⁰⁰³ al-Sayuti, 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr. 1402. *Tabaqat al-Huffaz*. Mesir: Maktabah Wahbah. Hlmn. 540.

¹⁰⁰⁴ Al-Mabrad, Yusif bin Hasan bin Ahmad al-Hanbali. 2000, *al-Jawhar al-Mindad fi Tabaqat Mutaakhiri 'Ashab Ahmad*, Tahqiq: Abd al-Rahman bin Sulayman al-Uthaymin. Riyadh: Maktabat al-Abikan. Hlm. 52.

¹⁰⁰⁵ al-Suyuti. *Tabaqat al-Huffaz*. Op cit.

¹⁰⁰⁶ Al-Mabrad. op cit.

¹⁰⁰⁷ Abu al-Falah. *op cit. jld. 8. Hlm. 579*. Shibl, Ali ibn Abd al-Aziz. 2002. *Ithbat fi Makhtutat al-A'immah*; Ibn Taymiyah, Ibn al-Qayyim, Ibn Rajab. Riyadh: Maktabah Malik Fahd. Hlm 307.

¹⁰⁰⁸ Ibn Hajar. Ahmad bin Ali. *al-Asqalani Inba' al-Ghumar bi Anba' al-Umar*. Jld. 1. Hlm. 460.

- Tafsir Surah An-Nasr.¹⁰⁰⁹

Pujian Ulama terhadap Beliau

Imam Ibn Hajar menyifatkan beliau sebagai ‘muhaddith hafiz’.¹⁰¹⁰ Imam al-Suyuti pula menyifatkan beliau sebagai ‘imam, hafiz, muhaddith, faqih, wa’iz.’¹⁰¹¹ Beliau turut menyenaraikannya sebagai salah seorang pakar hadis dalam buku beliau *Tabaqat al-Huffaz*.¹⁰¹² Ibn Hijji berkata: “Beliau pakar dalam bidang hadis dan beliau adalah orang yang paling pakar dalam sudut ‘ilal dan sanad di zamannya.”¹⁰¹³ Ibn al-Mimrad pula menyifatkan beliau sebagai ‘tauladan kepada para huffaz, pakar usul fiqh dan hadis.’¹⁰¹⁴

Kitab Tafsir Rawai’ al-Tafsir dan Metodologinya

Kitab tafsir beliau adalah *Rawai’ al-Tafsir*. Tafsir ini lengkap dari surah al-Fatihah sehingga surah al-Nas. Disebabkan latar belakang beliau yang kuat dalam bidang hadis, maka gaya penafsiran yang beliau terapkan adalah cenderung kepada jenis *tafsir bi al-ma’thur*. Justeru, selepas setiap ayat, beliau akan memulakannya dengan menyebutkan riwayat berkaitan dengannya sama ada merupakan hadis *marfu’*, *mawquf*, *maqtu’* atau pandangan ulama. Beliau sangat mengambil berat tentang *takhrij* hadis. Justeru, setiap riwayat yang dinyatakan akan disebutkan sumbernya sama ada dari satu sumber atau lebih. Beliau turut membincangkan sudut *sanad* dan perawi sesuatu riwayat. Jika terdapat riwayat yang perlu dijelaskan kedudukan atau statusnya beliau akan membincangkannya.¹⁰¹⁵ Selain itu, beliau turut menjelaskan tentang ilmu hadis jika diperlukan.¹⁰¹⁶ Beliau tidak banyak membincangkan aspek bahasa atau hukum fekah secara mendalam ketika menafsirkan sesuatu ayat. Namun, beliau ada membincangkan aspek qiraat, walaupun perkara tersebut tidak secara mendalam.¹⁰¹⁷

3.4. Al-Suyuti (w 911 H)

Nama penuh beliau adalah ‘Abd al-Rahman bin al-Kamal bin Abu Bakar bin Muhammad bin Sbiq al-Suyuti. Kunyah beliau adalah Abu al-Fadhl dan beliau diberi gelaran sebagai

¹⁰⁰⁹ Shibl. op.cit, al-Nu‘aymiy, ‘Abd al-Qadir. 1990. *Al-Daris fi Tarikh al-Madaris*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah. Jld. 2. Hlm. 60.

¹⁰¹⁰ Ibn Hajar, Ahmad b. ‘Ali al-Asqalani (t.t). *al-Durar al-Kaminah fi ‘Ayan al-Miah al-Thaminah*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-Arabi. Jld. 3. Hlm. 108.

¹⁰¹¹ al-Suyuti. *Tabaqat al-Huffaz*. Op cit.

¹⁰¹² Ibid.

¹⁰¹³ Al-‘Uthaymin. Salih bin ‘Abd al-‘Aziz. 2000. *Tashil al-Sabila li Murid Ma’rifa al-Hanabila*. Beirut: Muassasah al-Risalah. Jld. 3. Hlm. 1203.

¹⁰¹⁴ Al-Mabrad. op cit. hlm. 47.

¹⁰¹⁵ Lihat contoh ayat 24, Surah al-Baqarah.

¹⁰¹⁶ Lihat contoh ayat 9, Surah al-Hijr.

¹⁰¹⁷ Lihat contoh ayat 9, Surah al-Hijr.

Jalaluddin. Beliau dilahirkan di Suyut, sebuah kota di sebelah barat sungai Nil pada tahun 849 H. Beliau berasal dari keturunan ahli ilmu yang terkemuka dan disegani.

Beliau banyak merantau untuk menuntut ilmu. Antara tempat yang beliau lawati bagi menuntut ilmu adalah Syam, Hijaz, Yaman, India, Moroko, dan lain-lain.¹⁰¹⁸ Guru-guru beliau dianggarkan lebih daripada 150 orang. Antara mereka adalah:

- Syihab al-Din al-Syarmasahi;
- Jalal al-Din al-Mahalli;
- 'Alam al-Din Salih bin Siraj al-Din 'Umar bin Ruslan al-Bulqini;
- Taqy al-Din al-Syumunni;
- Al-Hafiz Ibn Hajar dan lain-lain.¹⁰¹⁹

Beliau pernah dilantik untuk mengajar di beberapa institusi pendidikan sebelum beliau meninggalkannya untuk memberi fokus kepada penulisan.¹⁰²⁰ Beliau pakar dalam tujuh bidang ilmu; tafsir, hadis, fekah, nahu, makna, bayan, badi'.¹⁰²¹ Beliau banyak menulis. Bahkan Mustafa Azami mencatat ada sekitar 600 karya yang dihasilkan oleh beliau.¹⁰²² Tetapi tidak semua karya beliau sampai dapat ditemui pada hari ini.¹⁰²³ Dirwayatkan karya beliau terbesar adalah *Turjuman al-Qur'ān*. Namun kitab tersebut tidak ditemui sekarang.¹⁰²⁴ Di antara kitab beliau adalah:

- Bidang Tafsir: Tafsir Al-Qur'an Al-'Azhim (Tafsir Jalalain), Tafsir Ad-Durr Al-Mansur fi Tafsir bi Al-Ma'tsur, Tafsir Tarjuman Al-Qur'an.
- Bidang Ulum Al-Qur'an: Al-Itqan, Al-Madzhab fi Ma Waqa'a fi al-Qur'an Min Al-Mu'rab, Mufhamat Al-Aqran fi Mubhamat Al-Qur'an, Mutasyabih Al-Qur'an, Lubab al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul.
- Bidang Hadith: Jam'u Al-Jawami', Jami' As-Shaghir, Mishbah al-Zujajah fi Syarhi Sunan Ibnu Majah, Ad-Dibaaj 'Ala Shahih Muslim bin Al-Hajjaj, Tanwir Al-Hawalik Syarh Muwatta' Al-Imam Malik.
- Bidang Ulum Hadith: Tadrib al-Rawi, Al-Ahadith Al-Manfiyyah, Ad-Durar Al-Munaththarah fi al-Ahadith Al-Musyatharah, Itmam al-Dirayah li Qurra' al-Niqayah.
- Bidang Fekah: Syarh al-Taqrib al-Nawawi, Nuhzah al-Julasa' fi Asya'ar al-Nisa', al-Arju fi al-Farji.
- Bidang Usul Fekah: Al-Asybah wa al-Nazha'ir.

¹⁰¹⁸ Muhammad Husain al-Dhahabi. 1416/1995. *al-Tafsir Wa al-Mufasssirun*. cet ke 6. Kaherah: Maktabah Wahbah. Jld. 1. Hlm. 406.

¹⁰¹⁹ Ahmad, A. R. (1999). Al-Imam Jalal al-Din al-Suyuti [849H-911H]. *Jurnal Usuluddin*, 9, 1-20.

¹⁰²⁰ Tahir Sulaiman. 1989. *Jalal Al-Din Al-Suyuti: Asruhu, Hayatuhu Wa Asaruhu Wa Juhuduh, Fi Al-Dars Al-Lughawi*. Beirut: al-Maktab al-Islami. Hlm. 105.

¹⁰²¹ Muhammad Husain al-Dhahabi. Op cit. Hlm. 406.

¹⁰²² Azami, M. (1977). *Studies in Hadith: Methodology And Literatur*. Indianapolis: American Trust.

¹⁰²³ Hidayah, N. (2020). Mengenal Imam Al-Suyuti dan Kitab Hadisnya Al-Jami'al-Saghir. *USRAH: Jurnal Hukum Keluarga Islam*, 1(1).

¹⁰²⁴ Ibid.

- Bidang Bahasa dan kesusteraan: Jam'ul Jawami, al-Asybah wa al-Nazha'ir fi al-Arabiyyah, al-Fiyyah fi al-Nahwi, Bughyah Al-Wi'aat fi Thabaqat al-Nuhat, al-Iqtiraah fi Ushuul al-Nahwi, al-Taj fi I'rab Musykil al-Minaaj.
- Bidang Sejarah: Tarikh Asyut, Tarikh Al-Khulafah, Husnu Al-Muhadarah fi Akhbar Misr wa Al-Qahirah, Manaqib Abi Hanifah, Manaqib Malik.¹⁰²⁵

Kitab Tafsir al-Durr al-Mantsur fi Tafsir al-Ma'thur dan Metodologinya

Kitab ini jenis al-Tafsir bi al-Ma'thur di samping terdapat elemen tahlili. Justeru, ia banyak membawakan riwayat hadis Nabi SAW, para sahabat serta pandangan ulama yang bersumberkan kitab-kitab hadis dan tafsir. Setiap tafsiran, sama ada berkaitan bahasa seperti mufradat, makna yang dimaksud, mukjizat Quran ataupun balaghah atau sebagainya semuanya dibawakan dalam bentuk riwayat. Kebiasaannya beliau tidak memasukkan pandangan peribadi beliau.¹⁰²⁶

3.5. Al-Syawkani (w 1250 H)

Nama penuh beliau adalah Muhammad bin 'Ali Muhammad bin 'Abd Allah al-Shawkany al-Shan'any. Beliau dilahirkan di Hijrah Shawkan, Yaman pada tahun 1172 H dan dibesarkan di kota San'a.¹⁰²⁷ Beliau wafat pada tahun 1250 H pada usia beliau 78 tahun.¹⁵ Beliau menimba ilmu pada awalnya daripada bapa beliau sendiri kemudian daripada para ulama kenamaan di sekitar San'a.¹⁰²⁸

Beliau pakar dalam pelbagai bidang ilmu. Tercatat sebanyak 18 buah karya tulisan beliau yang diterbitkan dalam bentuk buku dan 146 buah karya yang lain masih dalam bentuk wujud manuskrip.¹⁰²⁹ Antara kitab karangan beliau adalah: Tafsir *Fath al-Qadir*, Nayl al-Afthar, Tuhfat al-Dhakirin, dan banyak lagi.

Kitab Tafsir Fath al-Qadir

Tafsir ini menggabungkan antara metode tafsir bi al-ma'thur dan metode tahlili.¹⁰³⁰ Justeru, tafsir ini menggunakan ayat-ayat Quran, hadis-hadis Rasul SAW, dan pendapat para sahabat dalam menjelaskan isi kandungan ayat Quran. Di samping itu ia juga membahaskan aspek bahasa dalam menganalisis ayat-ayat Quran. Metode yang paling menonjol dalam kitab ini adalah penggunaan riwayat. Meskipun menggunakan riwayat sebagai sumber analisis tafsir,

¹⁰²⁵ Tahir Sulaiman. Op cit. Hlm. 381-413.

¹⁰²⁶ Qodratinnisa, R. R., Firmansyah, R., & Zulaiha, E. (2023). Orientasi Tafsir Ad-Durru Al-Mantsur fi Tafsir Al-Ma'tsur: Telaah Hadaf Tafsir dan Tsaqofah Al-Mufasirin. Jurnal Iman dan Spiritualitas, 3(1), 51-60.

¹⁰²⁷ Muhammad Husain al-Dhahabi. Op cit. jld. 2. Hlm. 211.

¹⁰²⁸ Ibid.

¹⁰²⁹ Hanafi, Y. (2016). Pemikiran Politik Dalam Tafsir Fath Al-Qadir: Pembacaan atas Konsep Ketatanegaraan dalam al-Quran yang Ditulis al-Shawkany. Jurnal Ilmiah Ilmu Ushuluddin, 11(2), 145-162.

¹⁰³⁰ Ibid.

namun riwayat tersebut tidak terhad pada hadis-hadis sahîh sahaja. Namun kebiasanya beliau memberi penilaian pada riwayat-riwayat tersebut.¹⁰³¹

3.6. **Siddiq bin Hasan Khan al-Qannawji (w1307 H)**

Nama penuh beliau adalah Siddiq bin Hasan bin ‘Ali bin Lutf Allah al-Husaini al-Bukhari al-Qannawji. Kunyah beliau adalah Abu al-Tayyib. Beliau mendapat gelaran Nawwab, Amir dan Bahadar. Beliau dilahirkan di Bareilly, Uttar Pradesh, India pada tahun 1248H/1832M. Bapa beliau meninggal dunia ketika usia beliau 6 tahun. Setelah itu beliau dibesarkan oleh ibu beliau.

Beliau mula menuntut ilmu di daerah beliau, iaitu Qannawj daripada beberapa ulama tempatan. Kemudian beliau merantau ke Dehli dan berguru daripada ramai ulama besar di sana. Antara guru-guru beliau yang masyhur adalah:

- Mufti Muhammad Sadrudin Khan;
- Allamah Al-Muhadith Husayn bin Muhsin al-Sabi’i al-Ansari;
- Shaykh ‘Abdul Haq bin Fazlillah Banarsi, murid Imam al-Syawkani;
- Shaykh Muhammad Ya’qub al-Dehlawi yang merupakan cucu Shah Abdul Aziz al-Dehlawi.¹⁰³²

Ketika beliau berusia 44 tahun, beliau berkahwin dengan ratu negeri Bhopal Shah Jahan Begum yang kematian suami. Ratu tersebut kemudiannya menjadi isteri beliau yang kedua. Beliau pernah dilantik menjadi perdana menteri bagi kerajaan Bhopal.¹⁰³³

Beliau sangat banyak menulis dalam pelbagai bidang ilmu. Muenurt pentahqiq kitab at-Tajul al-Mukallal jumlah buku beliau adalah 222 buah. Di antaranya 54 dalam bahasa Arab, 42 dalam bahasa Parsi, dan 107 dalam bahasa Urdu.¹⁰³⁴ Antara buku beliau dalam pelbagai bidang ilmu adalah:

- Tafsir:
 - Fath Al-Bayan fi Maqasid al-Quran
 - Nayl Al-Maram min Tafsir Ayat al-Ahkam
- Hadis
 - Al-Idrak fi Takhrij Rad al-Ishrak
 - Arab’una Hadithan fi Fadail al-Hajj wal ‘Umrah
 - Hasan al-Uswah fi ma warada fi al-Niswah
 - al-Siraj al-Wahhaj min Kashf Matalib Sahih Muslim ibn Al-Hajaj

¹⁰³¹ Ihsan, M. (2008). Metodologi Tafsir Imam Al-Shawkânî Dalam Kitab Fath Al-Qadîr: Kajian Terhadap Surah Al-Fâtihah. HUNAF: Jurnal Studia Islamika, 5(2), 201-214.

¹⁰³² al-Qannawji, Siddiq Hasan Khan. 1423H. Abjad al-‘Ulum. Beirut: Dar Ibn Hazm. Hlm. 725. Biography of Allamah Nawab Siddiq Hassan Khan. <https://umm-ul-qura.org/2015/08/18/biography-of-allah-nawab-siddiq-hassan-khan/>. Diakses pada 8/9/2023.

¹⁰³³ Ibid.

¹⁰³⁴ al-Qannawji, Muhammad Siddiq Hasan Khan. 2007, al-Taj al-Mukallal min Jawahir Ma’athir al-Ṭiraz al-Akhir wa-l-Awwal. Doha: Idarat al-Shu’un al-Islamiyya. Hlm. 356.

- ‘Awn al-Bari li Hal Adillah al-Bukhari
- Arba’una Hadithan Mutawatirah
- Fadhail al-Hajj wal ‘Umarah fi Arba’eena Hadithan
- al-Rahmah al-Mahdah ila man Yuridu Ziaydat Al-‘Ilm ‘ala Ahadith Mishkat
- al-Rawd al-Bassam min Turjamah Bulugh al-Maram
- Fath al-‘Allam bi Sharh Bulugh al-Maram
- Minhaj Al-Wusul ila Istilah Ahadith al-Rasul
- Fiqh and Usul Al-Fiqh:
 - Zukhr Al-Muhta min Adab al-Mufti
 - Zafar Al-Amani bima Yajibu fi Qadha ‘ala al-Qadhi
 - Hishn al-Mamul min ‘Ilm al-Ushul
 - Al-Iqlid li Adillah al-Ijtihad wa taqlid¹⁰³⁵

Pujian Ulama Terhadap Beliau

Allamah ‘Abd al-Hayy al-Lukhnawi berkata: “Beliau adalah simbol ulama di zamannya, tokoh yang menghidupkan ilmu dalam bahas Arab dan seorang bangsawan.”¹⁰³⁶ Khair al-Din Nu’mān al-Alusi berkata: “Beliau menguasai pelbagai jenis ilmu dan mempunyai banyak kelebihan yang tidak mampu digambarkan oleh sesiapa pun.”¹⁰³⁷ Khair al-Din al-Zarkali menyifatkan beliau sebagai salah seorang reformis.¹⁰³⁸ Abd al-Razzaq al-Baytar pula menyifatkan beliau sebagai ‘imam ‘allamah’.¹⁰³⁹

Tafsir Fath Al-Bayan fi Maqasid Al-Quran

Tafsir ini adalah jenis sederhana dan menggunakan Bahasa yang mudah. Metodologi yang diterapkan dalam tafsir ini adalah sama seperti metodologi ulama lain, iaitu dengan menggunakan metode menafsirkan Quran dengan Quran., kemudian dengan riwayat-riwayat yang sahih serta pendapat sahabat dan tabi’in. Meskipun begitu, al-Qannawji mengelakkan daripada membawakan riwayat israiliyyat, perbincangan falsafah dan tasawwuf batini. Selain itu, beliau turut membincangkan aspek Bahasa bagi perkataan tertentu beserta dengan bukti-bukti daripada syair dan penggunaan orang Arab. Terkadang beliau cenderung kepada pendapat tertentu apabila terdapat perbezaan pendapat dalam sesuatu tafsir. Malah terkadang beliau mempunyai pandangan beliau sendiri. Beliau turut membincangkan aspek qiraat selain menerapkan kaedah-kaedah tafsir umum dalam penafsiran.¹⁰⁴⁰

¹⁰³⁵ Biography of Allamah Nawab Siddiq Hassan Khan. <https://umm-ul-qura.org/2015/08/18/biography-of-allamah-nawab-siddiq-hassan-khan/>. Diakses pada 8/9/2023. al-Qannuji, Abjad al-Ulum. Op cit. hlm. 727.

¹⁰³⁶ al-Hasani, ‘Abd al-Hayy al-Nadwi. 1999. Nuzhah al-Khawahir wa Bahjah al-Masami’ wa al-Nawazir. Beirut: Dar Ibn Hazm. Jld. 8. Hlm. 1246.

¹⁰³⁷ al-Qannawji, Abjad al-Ulum. Op cit. hlm. 726.

¹⁰³⁸ Al-Zarkali, Khairuddin. n.d. al-A‘alam. Dar al-Malayin. Jld. 6. Hlm. 167.

¹⁰³⁹ Abd al-Razzaq al-Baytar. 1963. Hilyah al-Basyar fi Tarikh al-Qarn al-Thalith ‘Asyar. Damascus: Matba‘at al-Majma‘ al-‘Ilmi al-‘Arabi. Hlm. 745.

¹⁰⁴⁰ Al-Hamudi, Muhammad Mahdi. 2015. Al-Qannuji wa Arauhu al-Tafsiriyyah ‘ala Dhaw Aqwal Aimmah al-Tafsir. Tesis PhD Universiti Umm Durman. Hlm. 37.

Kesimpulan

Ramai ulama hadis yang dikesan menghasilkan karya dalam bidang tafsir. Sesetengah mereka karya mereka kekal dan menjadi rujukan sehingga ke hari ini dan setengah yang lain tidak dikesan karya mereka. Disebabkan latar belakang mereka dalam bidang hadis, gaya penafsiran mereka dikesan lebih cenderung kepada tafsir bi al-ma'thur. Justeru, mereka banyak membawakan riwayat-riwayat berkaitan dengan tafsiran Quran. Selain itu, mereka juga membawakan pandangan sahabat dan tabiin. Dalam membawakan riwayat, mereka bukan sahaja meriwayatkannya, tetapi juga menilainya di samping menyebutkan sumbernya. Meskipun gaya penafsiran mereka cenderung kepada tafsir dengan riwayat, mereka juga terkadang membahaskan aspek qiraat, Bahasa dan fekah seperti ulama tafsir lain.

Rujukan

- ‘Adil Nuwaihah. 1983. *Mu'jam al-Mufassirin Min Shadri al-Islam Hatta al-'Asri al-Hadir*. Muassasah Nuwaihah al-Thaqafiah.
- Abd al-Razzaq al-Baytar. 1963. *Hilyah al-Basyar fi Tarikh al-Qarn al-Thalith 'Asyar*. Damascus: Matba'at al-Majma' al-Ilmi al-Arabi.
- Abu al-Falah, Abd al-Hayy bin Ahmad al-Hambali. 1998. *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*. Tahqiq: Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata', c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu al-Falah. *op cit. jld. 8. Hlm. 579*. Shibl, Ali ibn Abd al-Aziz. 2002. *Ithbat fi Makhtutat al-A'immah*; Ibn Taymiyah, Ibn al-Qayyim, Ibn *Rajab*. Riyadh: Maktabah Malik Fahd.
- Ahmad, A. R. (1999). Al-Imam Jalal al-Din al-Suyuti [849H-911H]. *Jurnal Usuluddin*, 9, 1-20.
- al-'Iraqi, 'Abd al-Rahim bin al-Husayn. 1389. *al-Taqyid Wa al-Idah Syarah Muqaddimah Ibn al-Salah*: Tahqiq: Abd al-Rahman 'Uthman. Madinah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah –al-Munawwarah.
- Al-'Uthaymin. Salih bin 'Abd al-'Aziz. 2000. *Tashil al-Sabila li Murid Ma'rifa al-Hanabila*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Daudi, Syamsuddin Mohammad bin Ali bin Ahmad. T.t. *Tabaqat al-Mufassirin*, Tahqiq: Ali Mohammad Omar. Kaherah: Maktabah Wahbah Cet. 2.
- al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad. 1993. *Tarikh al-Islam wa Wafayat al-Mashahir wa al-'Alam*. Darul Kitab al-Arabi.
- Al-Hamudi, Muhammad Mahdi. 2015. *Al-Qannawji wa Arauhu al-Tafsiriyyah 'ala Dhaw Aqwal Aimmah al-Tafsir*. Tesis PhD Universiti Umm Durman.

- al-Hasani, 'Abd al-Hayy al-Nadwi. 1999. *Nuzhah al-Khawahir wa Bahjah al-Masami' wa al-Nawazir*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Husayni, Abu al-Muhasin (t.t.). *Dhayl Tadhkirah al-Huffaz*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Mabrad, Yusif bin Hasan bin Ahmad al-Hanbali. 2000, *al-Jawhar al-Mindad fi Tabaqat Mutaakhirah 'Ashab Ahmad*, Tahqiq: Abd al-Rahman bin Sulayman al-Uthaymin. Riyadh: Maktabat al-Abikan.
- al-Mizzi, Yusuf bin 'Abd al-Rahman. 1402. *Tahzib al-Kamal fi al-Asma' al-Rijal*. Tahqiq: Basysyar 'Awad Ma'ruf. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Qannawji, Muhammad Siddiq Hasan Khan. 2007, *al-Taj al-Mukallal min Jawahir Ma'athir al-Tiraz al-Akhir wa-l-Awwal*. Doha: Idarat al-Shu'un al-Islamiyya.
- al-Qannawji, Siddiq Hasan Khan. 1423H. *Abjad al-'Ulum*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- al-Sayuti, 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr. 1402. *Tabaqat al-Huffaz*. Mesir: Maktabah Wahbah. Hlmn. 540.
- Al-Subki, Taj al-Din. 1992. *Tabaqat al-Shafi'iyya al-Kubra*. 10 vols. Tahqiq: Mahmud M. al-Tannahi & 'Abd al-Fattah M. al-Hilw. 2nd. ed. Jiza: Dar Hijr.
- al-Zahrani, Muhammad ibn Matr. 2010. *Ilm al-Rijal Nasy'atuhu wa Tatawwaruhu min al-Qarn al-Awwal ila Nihayah al-Qarn al-Tasici*. al-Riyad: Maktabah Dar al-Minhaj.
- Al-Zarkali, Khairuddin. n.d. *al-A'alam*. Dar al-Malayin.
- Azami, M. (1977). *Studies in Hadith: Methodology And Literatur*. Indianapolis: American Trust.
- Hanafi, Y. (2016). *Pemikiran Politik Dalam Tafsir Fath Al-Qadir: Pembacaan atas Konsep Ketatanegaraan dalam al-Quran yang Ditulis al-Shawkany*. *Jurnal Ilmiah Ilmu Ushuluddin*, 11(2), 145-162.
- Hidayah, N. (2020). *Mengenal Imam Al-Suyuti dan Kitab Hadisnya Al-Jami' al-Saghir*. *Usrah: Jurnal Hukum Keluarga Islam*, 1(1).
- Ibn al-Salah, 'Utman bin 'Abd al-Rahman. 1986. *Al-Muqaddimah*. Tahqiq Nuruddin 'Itr. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Ibn Hajar, Ahmad b. 'Ali al-Asqalani (t.t.). *al-Durar al-Kaminah fi 'Ayan al-Miah al-Thaminah*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.

Ibn Hajar. Ahmad bin Ali. al-Asqalani Inba' al-Ghumar bi Anba' al-Umar.

Ibn Kathir, Isma'il bin 'Umar al-Dimasyqi. 1421. al-Ba'ith al-Hathith Syarah Ikhtisar 'Ulum al-Hadith: Tahqiq: Badi' al-Sayyid al-Lahham. Riyadh: Dar al-Salam.

Ibn Nuqtah, Muhammad bin Abd al-Gani al-Hanbali al-Bagdadi. 1988. al-Taqyid Li Ma'rifah Ruwah al-Sunan wa al-Masanid. Bairut: Dar Al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ihsan, M. (2008). Metodologi Tafsir Imam Al-Shawkânî Dalam Kitab Fath Al-Qadîr: Kajian Terhadap Surah Al-Fâtihah. HUNafa: Jurnal Studia Islamika, 5(2), 201-214.

Mahmud Tahhan. 1996. Taisir Mustalah al-Hadith, al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif.

Muhammad Husain al-Dhahabi. 1416/1995. al-Tafsir Wa al-Mufasssirun. cet ke 6. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Nasution, A. H., & Mansur, M. (2018). Studi Kitab Tafsîr Al-Qur'ân Al-Azîm Karya Ibnu Kaşîr. Jurnal Ushuluddin Adab Dan Dakwah, 1(1), 1-14.

Qodratinnisa, R. R., Firmansyah, R., & Zulaiha, E. (2023). Orientasi Tafsir Ad-Durru Al-Mansur fi Tafsir Al-Ma'tsur: Telaah Hadaf Tafsir dan Tsaqofah Al-Mufasirin. Jurnal Iman dan Spiritualitas, 3(1), 51-60.

Salah al-Din, Khalil bin Aybak al-Shafadi. 2000. Al-Wafi wa al-Wafayat. Beirut: Dar Ihya' al-Turath.

Shibl. op.cit, al-Nu'a'ymiy, 'Abd al-Qadir. 1990. Al-Daris fi Tarikh al-Madaris. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Tahir Sulaiman. 1989. Jalal Al-Din Al-Suyuti: Asruhu, Hayatuhu Wa Asaruhu Wa Juhuduh, Fi Al-Dars Al-Lughawi. Beirut: al-Maktab al-Islami.

Tahir Sulaiman. 1989. Jalal Al-Din Al-Suyuti: Asruhu, Hayatuhu Wa Asaruhu Wa Juhuduh, Fi Al-Dars Al-Lughawi. Beirut: al-Maktab al-Islami.

Zulfikar, E. (2021). Metodologi Tafsir Tabi' Tabi'in: Telaah Atas Kitab Tafsir Al-Qur'an Al-Azim Karya Ibnu Abi Hatim Al-Razi. Al-Fath, 15(1), 1-18.

Biography of Allamah Nawab Siddiq Hassan Khan. <https://umm-ul-qura.org/2015/08/18/biography-of-allamah-nawab-siddiq-hassan-khan/>.

